

PARACIL TABLET /SUSPENSION

Paracetamol (500mg,120mg/5ml and 250mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Paracil
2. Bagaimana Paracil Berfungsi
3. Sebelum menggunakan Paracil
4. Cara menggunakan Paracil
5. Semasa menggunakan Paracil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Paracil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Paracil

1. Melegakan demam dan ketidakselesaan yang berkaitan dengan selsema dan flu.
2. Melegakan kesakitan tumbuh gigi, sakit gigi dan sakit telinga.

Bagaimana Paracil Berfungsi

Paracil mengandungi paracetamol yang boleh melegakan kesakitan dan meredakan demam.

Sebelum mengambil Paracil

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
- Anda mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda ada masalah berikut.

- Masalah berkaitan buah pinggang
- Masalah berkaitan hati
- Menghidap lelah/asma dan sensitif dengan aspirin

Mengandung dan menyusukan anak:

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil :

- alkohol atau sebarang ubat yang boleh menyebabkan masalah pada hati
- barbiturates(ubat penenang) atau primadone (untuk mengawal sawan) untuk jangka masa panjang
- sebarang ubat mencairkan darah

Cara mengambil Paracil

-Berapa banyak harus diambil

Paracil Suspension 120 mg/5ml:

Kanak-kanak:

3 bulan – 1 tahun: 60 hingga 120 mg (1/2 hingga 1 sudu teh)

1 – 5 tahun: 120 hingga 240 mg (1 hingga 2 sudu teh)

6 – 12 tahun: 240 hingga 480 mg (2 hingga 4 sudu teh)

Paracil Suspension 250 mg/5ml:

Kanak-kanak berumur 6-12 tahun: 250 hingga 500 mg

(1 hingga 2 sudu teh)

(Maksimum dos 2 gram sehari)

Dewasa: 500 ke 1000 mg

(2 hingga 4 sudu teh)

Paracil Tablet 500 mg:

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun keatas:

1 hingga 2 tablet

(dos maksimum 8 tablet sehari).

Kanak-kanak 6-12 tahun:

Maksima 1 tablet

-Bila perlu digunakan

Ambil 3 ke 4 kali sehari atau

ambil dalam tempoh 4 ke 6 jam sehari.

Walaupun bagaimanapun, jangan ambil lebih daripada dos yang ditetapkan.

-Berapa lama perlu diambil

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika terlebih dos

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan:

Cirit-birit, hilang selera makan, loya atau muntah, kekejangan atau sakit perut, peningkatan peluh yang luar biasa.

Semasa menggunakan Paracil

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Paracil.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

PARACIL TABLET /SUSPENSION

Paracetamol (500mg,120mg/5ml and 250mg/5ml)

Jangan berikan Paracil kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Paracil terhadap anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat lain Paracil boleh menyebabkan kesan sampingan,walaupun bukan semua orang mendapatnya.Antaranya ialah:

- Masalah pembuangan air kencing seperti keruh atau darah dalam air kencing, sakit semasa membuang air kecil, atau pengeluaran air kencing berkurang
- Alahan seperti ruam, geligata, atau kegatalan
- Sakit tekak dan demam yang tidak dapat dijelaskan
- Pendarahan atau lebam yang tidak normal
- Terlalu letih atau lemah (sel darah merah kurang)
- Penyakit kuning atau keradangan hati

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.Ini mungkin boleh menjadi tanda-tanda serius

Jika tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

Paracil

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C di tempat yang kering.Jauhkan daripada haba dan kelembapan serta jauhkan ubat-ubatan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa/bentuk

Paracil Tablet 500mg:
Tablet putih, berbentuk bulat dengan satu permukaan rata dan garis tengah pada permukaan sebelah.

Paracil Suspension
Cecair berwarna merah dengan rasa strawberi.

-Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif:
Paracetamol.

Bahan bukan aktif ::
Paracil Tablet 500mg
Povidone,maizestarch,methyl paraben,propyl paraben,magnesium stearate dan purified water.

Paracil Suspension :
Sodium phosphate monobasic,sodium phosphate dibasic,xanthan gum,strawberry flavor,sodium saccharin,methyl paraben,propyl paraben, Sodium Carboxymethyl Cellulose ,glycerine,70% sorbitol solution, sugar.

120mg/5ml: Allura red colour
250mg/5ml: Allura red colour

-No.MAL:

Paracil Tablet 500mg:
MAL19940551XZ

Paracil Suspension 120mg/5ml
MAL19950273XZ

Paracil Suspension 250mg/5ml
MAL19940550XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM PHARMACEUTICALS
SDN.BHD(218620-M)
Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate
08000,Sungai Petani
Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh Kemaskini:26/08/2025

Nombor siri: NPRA(R4/1)150323/00027